

01/06/2002

Utama industri berasaskan sumber, produk baru: PM

Kadir Dikoh; Zainab Mohd Yatim

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, industri berasaskan sumber dalam negara dan pengeluaran produk baru yang lebih pelbagai perlu diberikan keutamaan bagi memastikan ekonomi negara terus menikmati pertumbuhan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga perlu berusaha menembusi pasaran baru seperti China, Asia Barat dan Afrika supaya tidak hanya bergantung kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

"Untuk ini, kita perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan menggalakkan inovasi yang berterusan supaya dapat bersaing pada peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dengan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Produk negara mestilah berkualiti tinggi dan dijual pada harga yang berdaya saing serta dapat memenuhi cita rasa pengguna yang semakin canggih," katanya pada sesi kedua majlis Dialog Belanjawan 2003 di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri berkata, sektor perkhidmatan, pelancongan, pengangkutan, pertanian dan pembuatan mestilah digerakkan bagi mencergaskan pertumbuhan ekonomi.

Sektor perkhidmatan, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi mempunyai potensi besar untuk dimajukan, katanya.

Beliau berkata, industri pelancongan boleh dikembangkan lagi dengan menjadikan kesihatan, pendidikan, sukan dan alam sekitar sebagai produk pelancongan yang berdaya maju.

"Malah industri pendidikan boleh dimajukan bagi menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa, manakala dalam industri pengangkutan pula, negara mempunyai kelebihan menjadi pusat perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang," katanya.

Dr Mahathir berkata, sektor pertanian juga masih mempunyai banyak ruang untuk dikembangkan.

Bagaimanapun, katanya, kekuatan dalam sektor itu perlu dibina melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan, bioteknologi serta membangunkan industri hiliran bagi produk pertanian.

Beliau berkata, dalam sektor pembuatan pula, usaha perlu dilakukan untuk beralih daripada tumpuan yang keterlaluan kepada keluaran elektronik.

Perdana Menteri berkata, persekitaran ekonomi dunia ketika ini bertambah baik dengan kegiatan perdagangan dan pergerakan modal antarabangsa semakin cergas.

Beliau menegaskan, keyakinan pelabur asing terhadap negara ini juga sudah meningkat dan imej negara kini berada pada tahap tinggi.

"Dengan persekitaran luar yang semakin baik, masanya adalah sesuai bagi sektor swasta merebut peluang perdagangan dan pelaburan serta menjalin perkongsian bijak dengan rakan strategik untuk meningkatkan pasaran negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi sokongan serta menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif untuk menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Beliau berkata, di samping memberi kerjasama dan sokongan kepada sektor swasta atas semangat 'Malaysia Inc', kerajaan juga akan terus mengamalkan pengurusan ekonomi yang pragmatik serta memberi perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai.

(END)